

**NOTIS PEMBERITAHUAN
BERKENAAN PENGURUSAN PEROLEHAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

Berdasarkan kepada situasi terkini penularan wabak Covid-19 dan perutusan YAB Perdana Menteri mengenai Covid-19 pada 16 Mac 2020 yang memaklumkan :


**'PENUTUPAN SEMUA INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI (IPT) AWAM DAN SWASTA SERTA
INSTITUT LATIHAN KEMAHIRAN DI SELURUH NEGARA'**

Sehubungan itu, adalah dimaklumkan berkuatkuasa 18 Mac 2020 sehingga tamat tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) :

1. Semua tarikh proses pelawaan/iklan, lawatan tapak dan penutupan sebut harga/tender sebagaimana yang telah diiklankan sebelum ini adalah ditangguhkan sepanjang tempoh PKP. Tarikh-tarikh tersebut akan dilanjutkan ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kelak. Sila layari <https://myfinancial.uitm.edu.my> untuk maklumat sebut harga dan tender yang terlibat.
2. Pelawaan sebut harga/iklan tender yang baharu akan diiklan selepas tempoh PKP tamat.
3. Bagi syarikat yang telah menerima Surat Setuju Terima atau telah mempunyai kontrak dan tidak disenaraikan di dalam senarai perkhidmatan penting (*essential services*), perolehan tersebut akan ditangguhkan.
4. Pesanan Tempatan (bekalan dan perkhidmatan am) yang telah dikeluarkan sebelum tempoh PKP dan tarikh serahan/pembekalan tersebut jatuh dalam tempoh PKP, tarikh serahan tersebut akan dilanjutkan selama 60 hari dari tarikh PKP tamat.
5. Bagi tarikh serahan/pembekalan yang jatuh sebelum tempoh PKP tetapi tidak dapat diserahkan kepada UiTM disebabkan oleh hal-hal lain atau PKP, pihak syarikat perlu membuat permohonan pelanjutan tempoh serahan/pembekalan kepada UiTM untuk kelulusan pihak berkuasa melulus.

Notis adalah tertakluk kepada arahan dan perkembangan semasa dari Kerajaan dan Universiti. Kesulitan amatlah dikesali.

Saya yang menjalankan amanah,



DR. HAJI MOHD ANUAR MAZUKI
Bendahari

Universiti Teknologi MARA
Aras 3, Bangunan Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin
40450 Shah Alam, Selangor, MALAYSIA
Tel: (+603) 5544 2277 Faks: (+603) 5544 3302
Emel: bendahari@salam.uitm.edu.my



UiTM *di hatiku*